



**MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
PEMBUKAAN PASAR TERBUKA/PASAR  
PAGI/PASAR MALAM/BAZARIA DALAM  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) TAHUN  
2020**

DIKEMASKINI PADA 18 JUN 2020

**SOP BAGI PEMBUKAAN PASAR MALAM / PAGI / SEHARI / LAMBAK / TANI /  
PELADANG DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
PEMULIHAN (PKPP)**

**1.0 PENDAHULUAN**

Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) akan membenarkan operasi Pasar Terbuka / Pasar Pagi / Pasar Malam / Sehari / Lambak/ Tani / Peladang / Bazaria bermula **23 Jun 2020** secara **berperingkat** di lokasi **terpilih** dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) selaras dengan keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kerajaan Negeri Perak.

Namun, beberapa syarat-syarat perlu dipatuhi oleh peniaga dan pengunjung sepanjang pembukaan Pasar Terbuka / Pasar Pagi / Pasar Malam / Sehari / Lambak/ Tani / Peladang / Bazaria berkenaan.

**2.0 SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN**

- a) Kelulusan lokasi untuk beroperasi bagi pembukaan Pasar Terbuka / Pasar Pagi / Pasar Malam / Sehari / Lambak/ Tani / Peladang / Bazaria adalah secara terpilih dan berperingkat. Kelulusan beroperasi adalah tertakluk kepada keputusan MDTM.
  
- b) Peniaga hendaklah daripada peniaga di dalam Negeri Perak serta daripada kawasan MDTM yang berlesen sahaja.**

**2.1 ARAHAN TETAP DARI MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)**

- a) Keperluan pendidikan pelesen berhubung kebersihan dan kesihatan peribadi serta kebersihan premis;
  
- b) Keperluan pematuhan kepada syarat-syarat pemegang lesen;
  
- c) Keperluan pematuhan terhadap SOP dari Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia;
  
- d) Keperluan pematuhan terhadap peruntukan UUK dan Akta berkaitan bagi kawalan operasi dan penguatkuasaan.

## 2.2 SYARAT-SYARAT UMUM PEMEGANG LESEN

- a) **MEMPAMERKAN LESEN** di bahagian/sudut yang mudah dilihat di dalam kawasan petak gerai / kanopi;
- b) Sentiasa hadir menjalankan dan mengawasi perniagaan. **DILARANG** sama sekali memindah milik atau menyewa atau menjual petak gerai yang dikeluarkan lesen;
- c) **DILARANG** sama sekali menggunakan khidmat **WARGANEGARA ASING** dalam aktiviti perniagaan;
- d) Sentiasa menyelenggara dan memastikan petak gerai dan perkakas berkaitan perniagaan berada dalam keadaan bersih;
- e) **MEMATUHI** saiz petak gerai, tempoh dan waktu perniagaan yang diluluskan;
- f) Sentiasa menjaga kebersihan petak gerai semasa dan selepas waktu perniagaan. Sampah sarap hendaklah **DIMASUKKAN KE DALAM BEG PLASTIK** dan **DIKAT** sebelum dibuang ke tempat yang dikhaskan oleh **MDTM**;
- g) **MEMPAMERKAN TANDA HARGA** barangan jualan;
- h) Pemegang lesen perniagaan adalah digalakkan menggunakan produk biodegradasi bagi menggantikan plastik, penyedut minuman plastic dan polisterin;
- i) Sekiranya kawasan atau tapak perniagaan terlibat dengan pembangunan / penyusunan semula, MDTM berhak untuk membatalkan lesen penjaja yang dikeluarkan dan peniaga perlu berpindah / mencari tapak lokasi yang baru;
- j) Dilarang menjual barangan tiruan kepada orang awam di tapak perniagaan;
- k) Yang Dipertua MDTM boleh pada bila –bila masa membuat keputusan dan mengambil tindakan berdasarkan undang-undang dan akta yang digunapakai dengan Jabatan/Agensi luar yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan sepanjang tempoh PKPP;

- l) **Peniaga makanan / minuman** hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut :-
- i. Memakai pakaian bersih dengan penutup kepala, sarung tangan dan apron.
  - ii. Mendapatkan Suntikan Pelalian Tifoid dan menyimpan kad suntikan berkenaan. Peniaga yang telah mempunyai Kad Suntik Pelalian Tifoid hendaklah memastikan ianya masih sah tempoh;
  - iii. Mendapat Sijil Kursus Pengendalian Makanan yang dikendalikan oleh Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH) atau mana-mana Institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan perlu mengemukakan Sijil Kursus Pengendalian Makanan tersebut kepada MDTM.

## **2.3 SYARAT-SYARAT KHUSUS**

### **2.3.1 Lokasi**

- a) Hendaklah di kawasan terbuka dan/ atau kawasan berpagar;
- b) Mempunyai ruangan tempat letak kereta bagi memudahkan pengunjung;
- c) Kawasan perniagaan boleh dikawal laluan masuk, laluan keluar dan perimeter;
- d) Laluan masuk dan keluar adalah menggunakan laluan yang berbeza.

### **2.3.2 Kedudukan Tapak Perniagaan**

- a) Jarak social petak perniagaan ditetapkan minima antara 1.5 meter hingga 2 meter;
- b) Memenuhi syarat saiz petak yang telah ditetapkan seperti berikut :-
  - i. Pasar Terbuka & Pasar Malam – saiz petak dan gerai : 8' X 8' dan 6' X 4';
  - ii. Bazaria – saiz maksimum ialah 10' X 10' sahaja dibenarkan.

### **2.3.3 Penggiliran Perniagaan**

- a) Penggiliran secara harian  
Atau ;
- b) Penggiliran secara mingguan.

### **2.3.4 Struktur Gerai dan Kanopi**

- a) Dilarang mendirikan struktur kekal di tapak.

### **2.3.5 Kawalan Keselamatan, Lalulintas dan Pembersihan**

- a) Penganjur hendaklah menyediakan petugas untuk kawalan keselamatan, lalulintas dan pembersihan sepanjang tempoh aktiviti perniagaan berlangsung;
- b) Kawalan hendaklah diberi tumpuan kepada laluan masuk dan laluan keluar serta perimeter;

- c) Pembersihan kawasan pasar dan disinfeksi peralatan perlu dilakukan setiap hari.

### 2.3.6 Kawalan Kemasukan Pengunjung

- a) Setiap pengunjung **MESTI** membuat saringan suhu badan, menggunakan *hand sanitizer* dan **SANGAT DIGALAKKAN** menggunakan *face mask*;
- b) Pengunjung yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C **DILARANG** sama sekali memasuki kawasan tapak niaga;
- c) Bagi pengunjung yang mempunyai gejala batuk dan selsema, **TIDAK** dibenarkan masuk ke kawasan pasar;
- d) Pengunjung **DIMESTIKAN** memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera atau merekod kehadiran pengunjung melalui buku pendaftaran bagi tujuan '*contact tracing*'.
- e) Pengunjung **MESTILAH** tidak terlibat sebagai **PUS** (*Patient Under Surveillance*) dan **PUI** (*Patient Under Investigation*) atau **TIDAK DALAM PERINTAH KUARANTIN**;
- f) Hanya **DUA (2) ORANG** bagi satu keluarga sahaja yang dibenarkan masuk ke kawasan tapak perniagaan;
- g) Pengunjung di bawah umur 12 tahun dan warga emas adalah **TIDAK DIGALAKKAN** untuk memasuki kawasan perniagaan.;
- h) Tempoh yang dihadkan untuk berada dalam kawasan pasar hanya **MAKSIMUM 30 MINIT** bagi setiap pengunjung;
- i) Tempat beratur sebelum memasuki kawasan pasar dan hadapan gerai hendaklah ditanda dengan jarak 1 meter antara satu sama lain;
- j) Pengunjung adalah **DIGALAKKAN** untuk berurusniaga secara tanpa tunai (*cashless*) seperti aplikasi e-wallet;
- k) Pergerakan dalam kawasan pasar mestilah terkawal secara sehalah sahaja. Laluan pintu masuk dan keluar adalah menggunakan laluan yang berbeza;
- l) Kawalan bilangan pengunjung dalam pasar pada satu-satu masa adalah bergantung kepada saiz lokasi pasar seperti yang ditentukan oleh PBT.

### 2.3.7 Konsep Jualan

- a) Hendaklah secara bungkus (*take away*) sahaja.

### 2.3.8 Waktu Perniagaan Beroperasi

BIL	KATEGORI	WAKTU PERNIAGAAN	KAPASITI PEKERJA
1.	Pasar Terbuka / Pasar Pagi	6.00 pg - 11.00 pg	<b>Terhad kepada 3 orang setiap gerai (termasuk pelesen)</b>
2.	Pasar Malam	4.00 ptg - 10.00 mlm	
3.	Bazaria	5.00 ptg - 11.00 mlm	

### 2.3.9 Kawalan Pematuhan Pengoperasian Oleh Pelesen dan Pembantu/Pekerja

- a) Peniaga adalah **DIGALAKKAN** untuk memakai pelitup muka (*face mask*) dan pelindung muka (*face shield*);
- b) Peniaga **MESTI** memakai sarung tangan dan apron pakai buang sepanjang aktiviti perniagaan berlangsung;
- c) Peniaga yang mempunyai gejala batuk dan selsema **TIDAK DIBENARKAN** menjalankan perniagaan pada hari tersebut;
- d) Peniaga mestilah tidak terlibat sebagai **PUS** (*Patient Under Surveillance*) dan **PUI** (*Patient Under Investigation*) atau **TIDAK DALAM PERINTAH KUARANTIN**;
- e) Peniaga yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C **DILARANG** sama sekali memasuki kawasan tapak perniagaan;
- f) Peniaga **MESTI** memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera;
- g) Peniaga perlu memastikan pelanggan yang berada di tapak perniagaan masing-masing mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain;
- h) Peniaga perlu menggalakkan pengunjung memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*) semasa berurusan jual beli di tapak niaga;
- i) Peniaga perlu memastikan dan menjaga kebersihan diri dan tapak gerai adalah baik setiap waktu.

### 2.3.10 Syarat dan Tindakan Oleh Pelesen/Penganjur

- a) Peniaga hendaklah daripada peniaga **DI DALAM NEGERI PERAK** serta daripada **KAWASAN PBT (MDTM) YANG DIDAFTARKAN SAHAJA**;
- b) Peniaga-peniaga **TIDAK PERLU** untuk menjalani saringan **COVID-19**;
- c) Perlu menyediakan Pelan Lokasi yang mengandungi maklumat susun atur khemah, tanda jarak dan tanda arah;
- d) Menentukan bilangan petak yang terlibat dalam operasi pembukaan semula pasar;
- e) Menyediakan Jadual Penggiliran Perniagaan kepada peniaga yang terlibat;
- f) Memastikan segala peralatan yang diperlukan mencukupi bagi memastikan SOP ini dipatuhi.

### 2.3.11 Kawalan Operasi dan Penguatkuasaan

- a) Tindakan kompaun, sitaan alat-alat penjajaan atau penutupan serta merta sekiranya gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan;
- b) Tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah peruntukan Akta dan Undang-Undang Kecil berikut :-
  - i. Undang-Undang Kecil Penjaja (MDTM) 1984;
  - ii. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MDTM) 1983;
  - iii. Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDTM) 2017;
  - iv. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MDTM) Kerajaan Tempatan 1983;
  - v. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (PBT Perak) Jalan, Parit dan Bangunan 2013;
  - vi. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
  - vii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;
  - viii. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Pindaan 2020);
  - ix. Akta Polis 1967;



- x. Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020;
- c) Penganjur, peniaga, pengunjung dan sesiapa yang berada di dalam kawasan tapak Pasar Terbuka / Pasar Pagi / Pasar Malam / Bazar adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim dari semasa ke semasa.

#### **2.3.12 Tarikh Kuatkuasa SOP**

Tarikh Kuatkuasa SOP ini adalah bermula dari **15 JUN 2020 hingga 31 OGOS 2020** dan tertakluk kepada pindaan oleh MKN, Kerajaan Negeri dan Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim.

### **3.0 PENUTUP**

Penganjur, peniaga, pengunjung dan sesiapa yang berada di dalam kawasan tapak Pasar Terbuka / Pasar Pagi / Pasar Malam / Bazar adalah terikat dengan pematuhan terhadap SOP ini. Walau bagaimanapun, SOP ini adalah tertakluk kepada pindaan selaras dengan perubahan dasar-dasar baharu semasa yang berkuatkuasa.

